

**PENENTUAN BATAS MASJID DALAM
MAZHAB SHĀFI'Ī: IMPLIKASINYA
TERHADAP HUKUM IBADAT KHUSUS
DAN PENGURUSAN BANGUNAN
MASJID DI MALAYSIA**

**Determining The Spatial Boundaries of
Mosques in The Shāfi'ī School Perspective:
Implications for Specific Worship Rulings and
Mosque Building Management in Malaysia**

**Syed Shahridzan Syed Mohamed*#,
Mohd Hapiz Mahaiyadin***

*Centre for Halal Industry Management Studies,
Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti
Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia.

*#(Corresponding author) e-mail: syedshahridzan@uitm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/syariah.vol34no2.4>

ABSTRACT

The contemporary trend of mosque architecture in Malaysia, featuring multi-functional complex designs, has created confusion among the public and mosque management committees. Uncertainty in defining the actual boundaries legally classified as a “mosque” carries direct implications for the validity and procedures of daily worship. This article analyses the determination of the status and spatial boundaries of worship spaces based on the fiqh framework of the Shāfi'ī school. Using document analysis of classical (turāth) fiqh, contemporary fatwas,

and current facility management practices, the study focuses on several key aspects. It examines the role of the waqif's declaration and 'urf (local wisdom) in distinguishing mosque areas from non-mosque spaces, alongside the strict prohibition against reclassifying endowed mosque areas for commercial or worldly purposes. It also explores the legal implications arising from differing spatial classifications and their impact on the conditions of iqtidā' (following the imam) for congregants situated outside the mosque boundary. The study concludes that a sound understanding of fiqh principles is essential to prevent violations of waqf trust, breaches of mosque sanctities, and the invalidity of congregational prayers. It further recommends considering minority (marjūh) opinions within the Shāfi'ī school to ease practical difficulties and assist religious authorities in formulating clear operational guidelines for gazetting and delineating mosque spaces.

Kata Kunci: *batas masjid, hukum iqtida', masjid, pengurusan masjid, fiqh Syafi'i.*

PENDAHULUAN

Di zaman awal perkembangan agama Islam, masjid adalah institusi yang dikenali sebagai tempat pelbagai aktiviti kemasyarakatan selain daripada pusat kegiatan pengurusan dan pentadbiran penduduk Madinah.¹ Pada asasnya masjid adalah tempat ibadah bagi umat, namun perluasan makna ibadah itu perlu diterapkan dengan makna yang lebih luas, tidak tertumpu kepada ibadah kerohanian seperti solat dan zikir, namun ia meliputi ibadah dalam pembangunan insan seperti penyaluran manfaat pendidikan, penyelesaian masalah sosial, serta pengukuhan ukhuwah dan kesejahteraan masyarakat.² Dalam konteks ini, peranan masjid dilihat sebagai institusi yang membina tamadun yang menyatukan fungsi spritual dan sosial yang menyumbang pembentukan masyarakat yang seimbang dan berdaya maju.

Menurut Solahuddin et al., dalam konteks pentadbiran masjid kontemporari, fungsi masjid tidak lagi terhad sebagai tempat ibadat umat Islam semata-mata, bahkan telah berkembang kepada suatu model pengurusan yang lebih profesional dan

¹ Ab Halim Tamuri, "Konsep dan Pelaksanaan Fungsi Masjid dalam Memartabatkan Masyarakat: (The Concept and The Implementation of The Role of Masjid in Elevating The Society)." *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management (Al-Mimbar)* (2021): 1-12.

² Nor Azlina Abd Wahab, Norafifah Ab Hamid & Norajila Che Man, "Pemeriksaan peranan masjid di Malaysia era kontemporari," *e-Academia Journal* 5, no. 2 (2017).

bersepadu.³ Perkembangan ini melibatkan kepelbagaian fungsi ruang yang merangkumi aktiviti keagamaan, sosial dan ekonomi. Seiring dengan itu, seni bina institusi masjid di Malaysia turut mengalami evolusi yang pesat selaras dengan perubahan zaman dan keperluan masyarakat semasa. Masjid moden kini tidak hanya dibina sebagai ruang ibadah khusus, sebaliknya direka bentuk sebagai kompleks pelbagai guna yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti pejabat pentadbiran, bilik kuliah dan ruang makan. Walaupun perkembangan ini memberi impak positif dari sudut pemeraksanaan peranan masjid dalam masyarakat, namun ia pada masa yang sama menimbulkan polemik fiqh yang signifikan, khususnya berkaitan penentuan had dan batas masjid serta implikasinya terhadap hukum-hakam ibadat.

Norhafizah et al. menjelaskan bahawa banyak reka bentuk masjid di Malaysia berjaya menarik minat para pelancong untuk bertandang ke tempat ibadah tersebut sekali gus menunjukkan masjid dalam konteks kontemporari diperluaskan peranannya sebagai pusat pelancongan yang mampu menjana ekonomi setempat.⁴ Fakta ini menunjukkan kedudukan masjid juga berjaya menarik minat golongan bukan Islam untuk menikmati keindahan seni bina masjid dan suasana di dalamnya. Dalam perbincangan integriti ruang pula, Marwati et al. menerangkan bahawa sebahagian batas suci masjid berfungsi sebagai ruang integrasi yang menjadi laluan dan pergerakan para jemaah. Namun perubahan fungsi batas suci ini dalam masjid-masjid yang menghubungkan kawasan kotor seperti tandas.⁵ Secara tidak langsung elemen ini memberi implikasi terhadap kehormatan masjid berdasarkan perluasan fungsi dan peranan institusi yang mulia ini dalam masyarakat.

Dalam fiqh Islam, khususnya menurut kerangka mazhab Shāfi'ī penetapan sesuatu kawasan sebagai batas masjid atau tidak memberi implikasi hukum yang besar sehingga melibatkan aspek keabsahan ibadat seperti solat tahiyatul masjid dan iktikaf, termasuklah larangan-larangan khusus seperti tegahan wanita haid dan individu berjunub menetap di dalam masjid. Memandangkan kedudukan seni bina masjid yang pelbagai fungsi, ia memberi kesukaran kepada sebahagian masyarakat untuk memanfaatkan fasiliti masjid yang ada kerana dikhuatiri melanggar pantang larang syarak di dalam masjid.

³ Solahuddin Abdul Hamid, Mohd. Nizho Abdul Rahman, Mohd Sobhi Ishak & Solahuddin Ismail, "Pengalaman Pengurusan Pentadbiran Masjid-Masjid Terbaik di Selangor," *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 6, no. 42 (2021): 68-78.

⁴ Noorhafizah et al., "Peranan Masjid dan Surau dalam Pelancongan Islam di Kuala Terengganu," dalam *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management* (Terengganu: INSPIRE, UniSZA, 2019): 45.

⁵ Marwati & Sutriani, "Integrasi Batas Suci terhadap Tipologi Ruang Bangunan Masjid Modern di Makassar," *Nature: National Academic Journal of Architecture* 6, no. 1 (2019): 83-96.

Kekaburan ini juga memberi kesan kepada pengurusan masjid sehingga wujud kelompondan dalam menyelia harta wakaf, iaitu sebahagian pihak pentadbiran masjid sewenang-wenang menukar atau menarik status sesuatu batas masjid untuk dijadikan kawasan komersial seperti ruang akad nikah dan perniagaan. Sekaligus tindakan ini sedikit sebanyak mencemari kesucian masjid dengan jebakan perkara yang dilarang oleh syarak. Oleh yang demikian, fuqaha Shāfi'iyah memberi panduan sebagai panduan dan jalan keluar dari masalah ini dan mengenal pasti parameter dalam penentuan sempadan batas masjid.

PENYATAAN MASALAH

Evolusi seni bina masjid moden di Malaysia yang kini beralih kepada reka bentuk kompleks pelbagai guna telah mencetuskan kekaburan signifikan dari sudut pandang perundangan Islam (fiqh). Pembangunan masjid moden yang pelbagai fungsi telah menimbulkan tiga isu utama:

- i. Kepelbagaian fungsi ruang seperti pejabat, dewan makan, dan bilik kuliah dalam satu kompleks masjid menyebabkan masyarakat dan pengurusan masjid agak sukar menentukan batas sebenar kawasan yang diwartakan sebagai "batas masjid". Ketidakpastian ini memberi implikasi langsung kepada pelanggaran larangan-larangan syarak di dalam masjid.
- ii. Reka bentuk masjid yang melangkaui sempadan tradisi menimbulkan polemik dalam aspek kesahan *iqtida'* (mengikut imam) bagi jemaah yang berada di luar ruang solat seperti ruang kemudahan yang sedia ada.
- iii. Terdapat kecenderungan dalam kalangan pengurusan masjid untuk menukar atau menggunakan ruang yang secara kebiasaannya (*'urf*) sebagai tempat solat dan iktikaf ditukar kepada ruang komersial seperti perniagaan.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti parameter penentuan batas masjid mengikut kerangka mazhab Shāfi'ī bagi memberikan garis panduan operasi yang jelas kepada pihak berkuasa agama dan pengurusan masjid di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif sepenuhnya dengan kaedah analisis dokumen. Fokus pengumpulan data pada penelitian literatur primer dan sekunder. Rujukan primer melibatkan kitab-kitab turath muktamad mazhab Shāfi'ī sahaja dan tidak menumpukan data-data daripada mazhab-mazhab yang lain. Manakala data sekunder disokong dengan penelitian terhadap dokumen rasmi undang-undang Islam negeri di Malaysia, serta artikel-artikel dan jurnal ilmiah yang berkaitan dengan kajian. Kesemua data teks yang diperolehi dianalisis dengan kaedah analisis kandungan bagi menghasilkan rumusan panduan hukum fiqh yang tepat menurut perspektif mazhab Shāfi'ī.

DEFINISI MASJID MENURUT FUQAHA SHĀFI'ĪYYAH

Fuqaha Shāfi'īyyah menjelaskan beberapa prinsip penting dalam disiplin fiqh wakaf yang berkaitan dengan hukum hakam masjid, sekali gus memperlihatkan definisi masjid yang diiktiraf sebagai tempat yang suci dan mulia sehingga umat Islam wajib menjaga adab di dalamnya dan menghindari larangan syarak yang khusus baginya. Menurut Zakariyyā al-Anṣārī, masjid ialah satu kawasan atau bangunan khusus yang diwakafkan sebagai masjid, bukan berfungsi selain dari itu seperti madrasah atau *ribāṭ*.⁶ Menurut beliau lagi penetapan sesuatu tempat, kawasan atau bangunan sebagai sebagai wakaf masjid perlu dilafazkan oleh pewakaf dengan lafaz 'masjid' yang jelas (*ṣarīḥ*).⁷ Ini bermakna jika diwakafkan dengan lafaz selain daripada masjid seperti tempat solat, madrasah, atau *ribāṭ*, meskipun tempat itu didirikan solat lima waktu tetap tidak dihukumkan sebagai masjid, malah ia kekal sebagai lafaz *kināyah* yang memerlukan niat wakaf oleh pewakaf sebagai masjid.⁸

Selain daripada lafaz 'masjid' sesuatu tempat atau bangunan yang diwakafkan untuk tujuan 'iktikaf' atau 'solat tahiyatul masjid' masjid juga menjadikan ia di bawah hukum masjid kerana kedua-dua tujuan itu hanya berlaku di dalam masjid.⁹ Bahkan, sekiranya sesuatu tempat yang disediakan untuk solat, namun tidak dapat dipastikan oleh orang ramai ia adalah wakaf masjid atau sebaliknya, maka tempat itu tidak dihukumkan sebagai masjid.¹⁰ Ini kerana mazhab Shāfi'ī berpegang kepada prinsip usul bahawa ukuran dalam kebanyakan (*ghālib*) akad muamalat adalah pada lafaz yang digunakan bukan pada makna atau maqasid akad.¹¹

Ulama mazhab Shāfi'ī tidak merekodkan suatu takrifan masjid yang inklusif dan eksklusif (*jāmi' māni'*) dalam rujukan-rujukan muktamad mereka melainkan kenyataan ringkas seperti yang dinyatakan oleh al-Zarkashī. Beliau menjelaskan maksud masjid dari sudut '*urf*' (praktis umum masyarakat) ialah tempat yang disediakan bagi mendirikan solat fardu lima waktu yang mengeluarkan *muṣallā*,

⁶ Zakariyyā ibn Muḥammad al-Anṣārī, *Asnā al-Maṭālib Sharḥ Rawḍ al-Ṭālib*, bersama Ḥāshiyah Aḥmad ibn 'Abbās al-Ramlī, ed. Muḥammad Muḥammad Tāmir, vol. 5 (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001), 528-529.

⁷ Al-Anṣārī, *Asnā al-Maṭālib*, vol. 5, 529.

⁸ 'Uthmān ibn Muḥammad Shattā al-Dimyāṭī, *I'ānat al-Ṭālibin 'alā Ḥall Alfāz Faḥ al-Muṭn*, vol. 3 (Beirut: Dār al-Fikr, 1997), 190.

⁹ Muḥammad ibn 'Umar Nawawī al-Bantanī al-Jāwī, *Nihāyat al-Zayn fī Irshād al-Mubtadi'īn* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 269.

¹⁰ 'Abd al-Raḥmān ibn Muḥammad al-Mashhūr, *Bughyat al-Mustarshidin fīmā Yuftī bihi Ba'd al-'Immah min al-'Ulamā' al-Muta'akhkhirīn*, dengan Ḥāshiyah Aḥmad ibn 'Umar al-Shāṭirī, vol. 1 (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2018), 485.

¹¹ Aḥmad Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuhfat al-Muhtāj fī Sharḥ al-Minhāj*, bersama dengan Ḥāshiyat 'Abd al-Ḥamīd al-Sharawānī dan Ḥāshiyat Aḥmad ibn Qāsim al-'Abbādī, vol. 4 (Kaherah: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā dan Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī, 1357 H / 1983 M), 402.

madrasah dan *ribāṭ* daripada takrifan ini.¹² Walau bagaimanapun, definisi ini hanya memaparkan pentakrifan menurut sudut fungsinya yang terutama dan tidak menyertakan rangkuman syarat penetapan masjid secara tuntas. Ini kerana menurut mazhab Shāfi'ī, sesuatu tempat atau bangunan yang diwakafkan untuk solat lima waktu tidak semestinya dihukumkan sebagai masjid, melainkan apabila diketahui bahawa tempat tersebut telah diniatkan sebagai masjid oleh pewakaf.¹³

Oleh yang demikian, definisi masjid yang dicadangkan berdasarkan ciri-ciri yang ditetapkan oleh fuqaha Shāfi'īyyah adalah merujuk kepada suatu binaan atau kawasan yang diwakafkan secara khusus sebagai masjid oleh pewakaf melalui lafaz *ṣarīḥ* 'masjid' dan seumpamanya, atau melalui lafaz *kināyah* yang disertai niat sebagai masjid sehingga ia dikhususkan bagi hukum-hakam masjid dan bukan untuk fungsi lain.¹⁴ Selain dari lafaz masjid, frasa 'tujuan solat tahiyatul masjid' dan 'tujuan iktikaf' juga termasuk kategori lafaz *ṣarīḥ*.¹⁵ Manakala frasa 'lafaz *kināyah*' merujuk kepada ibadah selain daripada kedua-dua ibadat tersebut seperti solat lima waktu.¹⁶ Manakala 'fungsi lain' merujuk kepada peranan yang terkeluar dari tujuan asal masjid seperti madrasah dan *ribāṭ*.¹⁷

PENGERTIAN MASJID DALAM KONTEKS UNDANG-UNDANG NEGERI DI MALAYSIA

Di bawah Perlembagaan Persekutuan Malaysia, urusan hal ehwal agama Islam termasuklah hal yang berkaitan dengan pembinaan, pengurusan dan kawal selia masjid diperuntukkan di bawah Senarai II (Senarai Negeri) Jadual Kesembilan.¹⁸ Ini bermakna kuasa eksekutif dan perundangan berkaitan masjid terletak di tangan Pihak Berkuasa Negeri yang diketuai oleh Sultan atau Raja Melayu bagi negeri-negeri yang beraja, dan Yang di-Pertuan Agong bagi Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri yang tidak beraja. Setiap negeri telah menggubal undang-undang khusus yang dikenali sebagai Enakmen Pentadbiran Agama Islam, manakala Wilayah-Wilayah Persekutuan di bawah Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam. Undang-undang ini melantik Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua masjid dan tanah yang berkaitan dengannya

¹² Muḥammad bin 'Abd Allāh al-Zarkashī, *I'lām al-Sājid bi-Aḥkām al-Masājid*, ed. Abū al-Wafā Muṣṭafā al-Marāghī, cet. ke-4 (Kaherah: al-Majlis al-A'lā li al-Shu'un al-Islāmiyyah, 1996), 28.

¹³ Al-Mashhūr, vol. 1, *Bughyat al-Mustarshidīn*, 485.

¹⁴ Al-Anṣārī, vol. 1, *Asnā al-Maṭālib Sharḥ Rawḍ al-Tālib*, 527.

¹⁵ Al-Bantānī, *Nihāyat al-Zayn fī Irshād al-Mubtadi'īn*, 269.

¹⁶ Al-Dimyātī, vol. 2, *I'ānat al-Tālibīn*, 33.

¹⁷ Al-Bujayrimī, vol. 2, *Tuḥfat al-Habīb*, 147.

¹⁸ Alias Azhar & Mohammad Azam Hussain, "Perluasan Skop Undang-Undang Islam di Malaysia: Aplikasi dan Implikasinya: Extending the Scope of Islamic Law in Malaysia: Applications and Its Implications," *Jurnal Syariah* 20, no. 2 (2012): 163-184.

Tinjauan tafsiran masjid pula tidak meliputi tafsiran daripada setiap empat belas buah negeri di Malaysia memandangkan wujudnya persamaan signifikan dalam peruntukan undang-undang negeri yang berkaitan. Maka, hanya beberapa buah negeri dipilih bagi mewakili gambaran kerangka perundangan nasional dalam mendefinisikan kedudukan masjid di menurut kerangka perundangan di Malaysia. Di Negeri Selangor, Seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan bahawa "masjid" ertinya suatu bangunan yang digunakan bagi sembahyang Jumaat dan sembahyang lain serta kegiatan-kegiatan yang disyorkan atau dibenarkan oleh agama Islam. Tafsiran ini diperkukuhkan lagi dalam Seksyen 98 yang menyatakan bahawa Majlis boleh menetapkan mana-mana surau, madrasah, atau bangunan lain untuk menjadi masjid. Namun, kuasa ini disyaratkan dengan ketetapan dalam subseksyen (2) bahawa Majlis tidak boleh memberikan kebenaran tersebut melainkan jika tapak bangunan itu telah dijadikan wakaf yang berkekalan. Implikasi daripada peruntukan ini adalah sangat besar kerana ia memastikan bahawa institusi masjid tidak boleh tertakluk kepada hak milik peribadi yang boleh dipindah milik atau dicagarkan.¹⁹

Manakala menurut peruntukan undang-undang Islam bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan, Seksyen 2 dan 72 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505], "masjid" ditafsirkan secara perundangan sebagai sebuah bangunan yang dikhususkan untuk solat Jumaat, ibadat-ibadat lain, serta menjadi pusat pelaksanaan aktiviti yang dibenarkan syarak, termasuklah mana-mana surau atau madrasah yang diwartakan secara rasmi dalam Jadual Ketiga; dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) memikul tanggungjawab sebagai pemegang amanah tunggal ke atas kesemua bangunan, tapak, dan tanah masjid di seluruh kawasan Wilayah Persekutuan²⁰ Bagi Negeri Perak, tafsiran dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 adalah selari dengan Selangor tetapi memberikan perincian tambahan mengenai pengurusan kariah. Masjid di Perak ditakrifkan bukan sahaja sebagai tempat sujud, tetapi sebagai pusat yang penggunaannya telah dibenarkan oleh Majlis di bawah seksyen 87. Di sini, penekanan diberikan kepada aspek autoriti Majlis dalam mengesahkan status bangunan tersebut sebelum ia boleh beroperasi secara sah sebagai sebuah masjid.²¹

Di Sarawak, Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 memberikan tafsiran yang hampir serupa, di mana masjid merujuk kepada bangunan yang didirikan atau digunakan untuk tujuan mengadakan solat Jumaat dan aktiviti lain yang diluluskan. Keunikan perundangan Sarawak terletak pada penubuhan Lembaga Masjid-Masjid

¹⁹ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Warta Kerajaan Negeri Selangor.

²⁰ Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) dan Kaedah-Kaedah & Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993 (Act 505) and Rules (hingga 25hb November 2013) (International Law Book Services, 2013).

²¹ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Enakmen Bil. 4 Tahun 2004), Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

yang diberikan kuasa khusus untuk membantu Majlis dalam pengurusan harta dan pentadbiran masjid di seluruh negeri.²² Secara amnya, perundangan negeri menetapkan tiga kriteria utama bagi membolehkan sesebuah bangunan ditafsirkan sebagai masjid, iaitu:

- i) Berfungsi untuk mendirikan solat lima waktu, Jumaat dan ibadat-ibadat lain,
- ii) Kebenaran bertulis daripada Majlis Agama Islam Negeri.
- iii) Peletakkan tanah sebagai wakaf berkekalan.

Rumusan ini menjelaskan pengertian masjid menurut ruang lingkup undang-undang negeri yang mendasari bidang pentadbiran dan pengurusan yang terkawal dan sistematik. Walau bagaimanapun, penelitian terhadap perspektif perundangan semata-mata dilihat belum mencukupi untuk menjamin kelestarian hukum-hakam berkaitan masjid secara holistik. Justeru, perbahasan ini perlu diperluaskan menerusi penelitian terperinci terhadap pandangan fuqaha mazhab Shāfi'ī bagi memperoleh kejelasan hukum yang lebih tuntas mengenai kedudukan batas masjid.

PENENTUAN BATAS MASJID BAGI RUANG DALAM MASJID MENURUT PERSPEKTIF MAZHAB SHĀFI'Ī

Dalam perbahasan fiqh Shāfi'ī, sempadan kawasan yang tertakluk di bawah hukum-hakam khusus masjid merangkumi keseluruhan ruang yang diwakafkan sebagai masjid secara mutlak, sama ada bahagian atas (*suth*), halaman dalam yang tidak berbumbung (*ṣahn*), mahupun perkarangan luar yang berbatu (simen) dan bersambung dengan bangunan utama (*raḥbah*).²³ Sebaliknya, kawasan sekitar atau utiliti di luar binaan tersebut (*ḥarīm*) tidak dihukumkan sebagai sebahagian daripada batas masjid.²⁴ Selain itu, menara masjid yang bersambung dengan bangunannya juga dikategorikan sebagai batas masjid.²⁵ Bahagian-bahagian yang dinyatakan ini menurut al-Nawawī batas yang disepakati oleh para ulama Shāfi'īyyah sebagai kawasan masjid yang terikat dengan adab dan larangan syarie.²⁶

²² Majlis Islam Sarawak Ordinance 2001, Laws of Sarawak, Cap. 41 (reprint, Commissioner of Law Revision, Sarawak, 2007).

²³ Ahmad Ibn Hajar al-Haytamī, *Al-Minhāj al-Qawīm bi-Sharḥ Masā'il al-Ta'lim*, cet. ke-1 (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000), 266.

²⁴ Abū Zakariyyā Muḥyī al-Dīn bin Sharaf al-Nawawī, *Al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab*, vol. 6 (Kaherah: Idārah al-Ṭibā'ah al-Muniriyyah, 1344–1347 H), 506.

²⁵ Bā'ishn, *Bushrā al-Karīm*, 595.

²⁶ Al-Nawawī, *Al-Majmū'*, vol. 6, 506.

Jadual 1.0: Perbandingan antara batasan klasik dan moden dalam penentuan batas masjid

Bil	Batasan Klasik	Batasan Moden
1.	<i>Dākhil al-Masjid</i> : Bahagian dalam bangunan masjid yang berbumbung.	Dewan masjid Beranda masjid Anjung masjid Tingkat atas masjid
2.	<i>Rahbah</i> : Ruang lapang luar masjid yang berbatu. ²⁷	Bahagian luar masjid yang disimen dan dibina bagi memperluas ruang solat, seperti kawasan luar Masjid Nabawi di Madinah.
3.	<i>Ṣahn</i> : Halaman dalam masjid tanpa bumbung. ²⁸	Bahagian dalam masjid yang biasanya tidak berbumbung, seperti kawasan tawaf di Masjid al-Haram di Mekah dan halaman tengah Masjid al-Azhar di Kaherah.
4.	<i>Suṭḥ</i> : Bahagian atas masjid tanpa atap. ²⁹	Bahagian atas masjid yang terbuka tanpa bumbung dan digunakan untuk solat, sebagaimana yang terdapat pada sebahagian masjid di negara-negara Arab.
5.	Menara masjid yang bersambung dengan bangunan masjid. ³⁰	Batas suci masjid yang bukan kategori kemudahan awam. Kebiasaannya tempat iktikaf dan solat muazzin sementara menanti masuk waktu solat.
6.	Tempat laluan (batas suci) dalam masjid. ³¹	Ruang laluan ini juga berfungsi sebagai tempat solat terutama jika ruang solat utama telah penuh.

Sumber: Rumusan Pengkaji.

Kawasan-kawasan yang dinyatakan di atas merupakan ruangan dalam masjid yang dikhaskan bagi pelaksanaan solat serta ibadat lain. Manakala ruang yang bersambung dengannya, seperti laluan akses (dalam masjid), turut dihukumkan sebagai sebahagian daripada batas masjid selagi mana ia berfungsi sebagai tempat solat dan sifat kemuliaannya terpelihara (*muḥtaramah*).³² Dari penelitian hukum di atas, jelas

²⁷ Al-Dimyātī, *I'ānat al-Ṭālibīn*, vol. 2, 33.

²⁸ 'Abd al-Rahīm al-Isnawī, *Al-Muḥimmāt fī Sharḥ al-Rawḍah wa al-Rāfi'ī*, vol. 3 (Casablanca: Markaz al-Turāth al-Thaqāfi al-Maghribī; Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2009), 326.

²⁹ Muḥammad Rawwās Qal'ajī dan Hāmid Ṣādiq Qunaybī, *Mu'jam Lughat al-Fuqahā'*, cet. ke-2 (Beirut: Dār al-Nafā'is, 1988), 244.

³⁰ Zakariyyā ibn Muḥammad al-Anṣārī, *Asnā al-Maṭālib Sharḥ Rawḍ al-Ṭālib*, dis. Muḥammad Muḥammad Tāmir, vol. 1 (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001), 527.

³¹ Al-Mashhūr, vol. 1, *Bughyat al-Mustarshidīn*, 482.

³² Aḥmad Sharīf bin 'Alī Khird, *Fatāwā Ibn Mazrū' li al-Imām al-'Allāmah al-Faqīh al-Muḥī' 'Abd al-Rahmān bin Muḥammad bin Mazrū' al-Shibāmī al-Ḥaḍramī*, ed.

bahawa ruang-ruang ini secara tuntas berada di bawah peraturan dan hukum-hakam khusus masjid beserta adab-adab syarie yang menjaga kesuciannya.

Penentuan status masjid bagi pecahan bahagian dalam sesebuah bangunan merupakan isu kontemporari yang memerlukan penelitian mendalam daripada perspektif hukum fiqh. Dalam konteks urbanisasi, wujud polemik yang mendakwa bahawa ruang yang bukan berstatus masjid seperti tandas dan tempat wuduk seharusnya diasingkan secara fizikal daripada struktur utama masjid. Walau bagaimanapun, realiti seni bina masa kini memperlihatkan ruang-ruang utiliti tersebut lazimnya diintegrasikan di dalam satu bangunan yang sama yang bersambung ruang solat utama. Di samping itu, terdapat pelbagai ruang dalam struktur bangunan yang sama yang berfungsi di luar tujuan ibadat khusus, merangkumi urusan pentadbiran, aktiviti komersial, serta penyediaan kemudahan awam.

Menurut pandangan fuqaha Shāfi‘iyyah, tidak kesemua bahagian di dalam struktur bangunan masjid semestinya diwartakan sebagai ruang berstatus masjid. Menurut Bā‘ishn, seorang pewakaf dibolehkan (harus) untuk menetapkan tingkat atas sesebuah bangunan sebagai masjid, manakala tingkat bawah dikecualikan daripada status wakaf tersebut selari dengan niat dan perisytiharan asal pewakaf.³³ Ini adalah indikasi yang jelas ditunjukkan oleh mazhab Shāfi‘ī bahawa tidak semua bahagian bangunan masjid mesti diwartakan sebagai batas masjid. Menurut al-Syarawānī, unit-unit kecil dalam bangunan boleh dikecualikan daripada pewartaan batas masjid oleh pewakaf:

ومنه الخلاوي والبيوت التي توجد في بعض المساجد وهي مشروطة
للإمام أو نحوه ويسكنون فيها بزواجهم فإن علم أن الواقف وقف
ما عداها مسجداً جاز المكث فيها مع الحيض والجنازة والجماع
فيها وإلا حرم؛ لأن الأصل المسجدية.³⁴

“Dan daripada itu termasuk juga bilik-bilik dan rumah-rumah yang terdapat di dalam sebahagian masjid-masjid yang diperuntukkan secara khusus untuk imam atau seumpamanya, dan mereka tinggal di dalamnya bersama isteri-isteri mereka. Oleh itu, jika diketahui bahawa

Muhammad bin Abū Bakr Bā Dhīb (Amman: Dār al-Fath li al-Dirāsāt wa al-Nashr, 1427 H), 62.

³³ Sa‘īd bin Muḥammad Bā‘ishn, *Sharḥ al-Muqaddimah al-Ḥaḍramiyyah al-Musammā Bushrā al-Karīm bi-Sharḥ Masā’il al-Ta’līm*, cet. ke-1 (Jeddah: Dār al-Minhāj li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2004), 589.

³⁴ Ibn Hajar al-Haytamī, *Tuḥfat al-Muḥtāj fī Sharḥ al-Minhāj* bersama Ḥāshiyat al-Sharawānī & al-‘Abbādī, vol. 3 (Kaherah: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, 1983), 465.

pewakaf telah mewakafkan selain daripada bahagian-bahagian tersebut sebagai masjid, maka dibolehkan tinggal di dalamnya ketika haid dan junub serta melakukan persetubuhan di dalamnya. Namun jika tidak (diketahui demikian), maka hukumnya haram; kerana hukum asalnya adalah masjid.”

Berdasarkan kenyataan tersebut, pewakaf bangunan atau kawasan tanah mempunyai autoriti untuk mengkhususkan bahagian tertentu sahaja sebagai ruang masjid. Implikasinya, hanya bahagian yang diperuntukkan secara jelas (*ṣarīḥ*) sebagai masjid akan tertakluk kepada hukum-hakam masjid, manakala bahagian yang dikecualikan daripada sempadan tersebut tidak terikat dengan sebarang larangan syarie berkaitan masjid. Penentuan batas ini merangkumi tempat yang menurut kebiasaannya tempat dijadikan ruang solat, namun dikecualikan oleh pewakaf daripada batas masjid. Walau bagaimanapun, cabaran utama yang timbul pada masa kini ialah ketiadaan rekod atau pernyataan jelas daripada pewakaf asal mengenai persempadanan status masjid, terutamanya bagi masjid-masjid yang telah lama dibina.

Dalam kerangka catatan ulama mutakhir mazhab Shāfi'ī, penentuan sempadan masjid tidak hanya bergantung secara eksklusif kepada deklarasi pewakaf, sebaliknya *‘urf* (praktis umum) turut diiktiraf sebagai panduan autoritatif bagi membezakan antara ruang berstatus masjid dengan ruang selainnya. Prinsip ini dinyatakan secara jelas oleh al-Mashhūr:

ليست الجواني المعروفة وزواياها من رحبة المسجد ولا حرمة، بل هي مستقلة لما وضعت له، ويستعمل كل على ما عهد فيه بلا نكير، ومن ذلك البول في مضاربها ومكث الجنب فيهما، ولا تحتاج إلى معرفة نص من واقفها، إذ العرف كاف في ذلك، ويجوز الاستنجاء وغسل النجاسة الخفيفة منها، وأما الممر من المطاهر إلى المسجد فما اتصل بالمسجد مسجد.³⁵


“Tempat-tempat takungan air yang telah diketahui itu, begitu juga sudut-sudutnya, termasuk daripada kawasan lapang masjid (rahbah masjid) dan bukan pula daripada kawasan kaki lima masjid. Bahkan ia berdiri sendiri mengikut tujuan ia disediakan. Maka setiap satunya digunakan sebagaimana kebiasaan yang telah diketahui

³⁵ Al-Mashhūr, *Bughyat al-Mustarshidīn*, vol. 1, 482.

tanpa sebarang bantahan. Termasuk dalam hal tersebut ialah dibolehkan kencing di tempat-tempat salurannya dan dibolehkan orang yang berjunub tinggal di kedua-duanya, dan tidak diperlukan pengetahuan tentang kenyataan khusus daripada pewakafnya, kerana 'urf (praktis umum) sudah mencukupi dalam hal itu. Dibolehkan juga beristinja dan membasuh najis yang ringan padanya (tempat itu). Adapun laluan dari tempat bersuci menuju ke masjid, maka apa yang bersambung dengan masjid itu dihukumkan sebagai masjid."

Penentuan sempadan syarie ini dilaksanakan melalui dua kaedah utama: pertama, bersandarkan perisytiharan rasmi daripada pewakaf atau pemegang amanah semasa fasa pembinaan; dan kedua, sekiranya pernyataan pewakaf tidak dapat dipastikan, rujukan dibuat kepada 'urf (praktis umum masyarakat) yang mengecualikan ruang utiliti seperti tandas, pejabat, dan bilik kuliah daripada implikasi hukum masjid.

Rajah 1.0 : Kaedah Penentuan Sesuatu Ruang Termasuk dalam Batas Masjid atau Tidak



Sumber: Rumusan Pengkaji.

Menurut al-Mashhūr, tempat-tempat yang diperuntukkan sebagai kemudahan awam masjid seperti tempat wuduk, telaga, kawasan tempat duduk (*al-dakkah*), dan kolam yang dinisbahkan kepada masjid tidak termasuk dalam batas masjid, meskipun pewakaf secara jelas (*ṣarīḥ*) mengisytiharkan ruang-ruang tersebut sebagai sebahagian daripada masjid.³⁶ Hal ini demikian kerana ruang-ruang tersebut dibina bagi memenuhi keperluan dan kemaslahatan jemaah, bukan dengan tujuan khusus untuk pelaksanaan solat dan ibadah yang menjadi fungsi asas masjid. Sehubungan itu, dalam konteks semasa, ruang bangunan yang dibina untuk tujuan selain ibadah wajar dikategorikan sebagai tidak termasuk dalam batas masjid.

³⁶ Al-Mashhūr, *Bughyat al-Mustarshidīn*, vol. 1, 486.

Jadual 2.0: Kategori batas bukan masjid menurut praktis umum
masyarakat (‘urf) di Malaysia

Bil.	Batas Bukan Masjid	Fungsi Ruang
1.	Pejabat Pengurusan Masjid	Pusat pentadbiran operasi masjid
2.	Bilik Imam & Bilal	Tempat rehat dan persediaan pegawai
3.	Stor Penyimpanan	Tempat penyimpanan barang
4.	Tempat Wuduk	Kemudahan bersuci/taharah
5.	Tandas	Kemudahan kebersihan dan keperluan sanitasi jemaah
6.	Dapur	Ruang Penyediaan makanan dan minuman untuk program masjid
7.	Bilik Jamuan	Ruang penyediaan dan penyajian makanan semasa majlis
8.	Dewan/Bilik Kuliah	Ruang pengajian, ceramah dan aktiviti pendidikan
9.	Bilik Mesyuarat	Tempat perbincangan dan mesyuarat pengurusan
10.	Bilik Tetamu/VVIP	Ruang menerima tetamu kehormat dan pelawat rasmi
11.	Dewan/Bilik Nikah	Tempat perlaksanaan majlis akad nikah
12.	Bilik Siaraya	Tempat pengendalian penyiaran dan rakaman program masjid
13.	Bilik Jenazah	Pengurusan jenazah termasuk mandi dan persiapan pengebumian
14.	Kaki Lima Masjid	Tempat letak kasut dan selipar, ruangan jalan kaki luar masjid.
15.	Halaman Luar Masjid	Perkarangan luar masjid, tempat letak kenderaan, dan aktiviti luaran. Bahagian ini juga dikenali sebagai tanah lapang masjid (<i>Faḍā' al-Masjid</i>) yang bukan kategori <i>Rahbah</i> Masjid. ³⁷
16.	Menara yang terpisah dari bangunan masjid	Tempat laungan azan dan bukan kategori masjid kerana terpisah dari entiti masjid. ³⁸

Sumber: Rumusan Pengkaji.

³⁷ ‘Abd al-Karīm ibn Muḥammad al-Rāfi‘ī, *Fath al-‘Azīz bi-Sharḥ al-Wajīz: al-Sharḥ al-Kabīr*, vol. 4 (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 361.

³⁸ Muḥammad bin Ahmad al-Khaṭīb al-Shirbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma‘rifat Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*, ed. ‘Alī Muḥammad Mu‘awwad dan ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd, cet. ke-1, vol. 2 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 220.

Ruang-ruang yang dinyatakan dalam jadual tersebut secara realitinya tidak berfungsi sebagai tempat solat mahupun ibadat, sebaliknya lebih cenderung kepada penyediaan kemudahan jemaah. Justeru, menurut kaedah yang ditetapkan dalam mazhab Shāfi'ī, ruang tersebut tidak dihukumkan sebagai batas masjid kerana berdasarkan praktis dan norma umum masyarakat (*'urf*), ia bukan ruangan bagi pelaksanaan solat berjemaah atau ibadat-ibadat lain. Berdasarkan penelitian hukum di atas, dapat disimpulkan bahawa ruang-ruang tersebut secara tuntasnya tidak tertakluk kepada hukum-hukum khusus masjid yang lazimnya mengikat premis mulia tersebut.

IMPLIKASI PENENTUAN BATAS MASJID TERHADAP IBADAT KHUSUS DAN PENGURUSAN BANGUNAN MASJID

Penentuan batas suci masjid atau sempadan syarie bukan sahaja memiliki kepentingan dalam konteks fiqh, tetapi juga membawa implikasi yang sangat besar terhadap pengurusan fizikal bangunan masjid serta menentukan kesahihan pelbagai ibadat yang dilaksanakan di dalamnya. Sempadan ini memainkan peranan penting dalam membezakan kawasan yang dianggap sebagai “batas mulia” dan oleh itu tertakluk sepenuhnya kepada hukum-hukum khusus masjid, daripada kawasan tambahan atau persekitaran sokongan yang disediakan untuk memudahkan pengimarah masjid. Berikut adalah analisis implikasi penentuan batas masjid tersebut:

1. Implikasi Terhadap Hukum Ibadat Khusus

Penentuan sempadan atau batas masjid secara khusus memberi kesan langsung kepada keabsahan ibadat tertentu. Sehubungan itu, mana-mana kawasan yang tidak diwartakan sebagai bahagian daripada masjid, maka ibadat tersebut dianggap tidak sah jika dilaksanakan di situ.

1.1 Iktikaf dan Solat Tahiyatul Masjid

Amalan beriktikaf di dalam masjid merupakan suatu ibadah yang amat dituntut (*sunnah muakkadah*) menurut Islam kerana ia berfungsi sebagai jalan yang disyariatkan untuk menghormati rumah Allah SWT. Signifikan dan keistimewaan amalan ini terletak pada pahala yang dikurniakan kepada individu yang berniat iktikaf, meskipun mereka hanya menetap dan duduk diam tanpa melakukan sebarang ibadah yang lain. Galakan amalan ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَإِذْ بَوَّأْنَا لِإِبْرَاهِيمَ مَكَانَ الْبَيْتِ أَنْ لَا تُشْرِكْ بِي شَيْئًا وَطَهِّرْ بَيْتِيَ
لِلطَّائِفِينَ وَالْقَائِمِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ

“Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami tentukan bagi Nabi Ibrahim tempat Kaabah (untuk membinanya, lalu

Kami berfirman kepadanya): "Janganlah engkau sekutukan sesuatu pun denganKu, dan bersihkanlah rumahKu (Kaabah ini) bagi orang-orang yang tawaf, dan orang-orang yang beriktikaf dan yang rukuk serta yang sujud (mengerjakan sembahyang)."

(Surah al- Hajj, 22:26)

Menurut ulama mazhab Shāfi'ī, i'tikaf hanya sah dilaksanakan di dalam masjid.³⁹ Ibadah ini juga tetap sah diniatkan di dalam masjid yang tidak didirikan solat Jumaat (*al-masjid ghayr al-jāmi'*), berasaskan kaedah *al-khurūj min al-khilāf mustahabb*, iaitu keluar daripada perselisihan pandangan ulama adalah suatu yang digalakkan.⁴⁰ Berdasarkan pendapat muktamad dalam mazhab Shāfi'ī, kadar minimum i'tikaf yang sah ialah seseorang itu menetap di dalam masjid sekurang-kurangnya melepasi tempoh *ṭuma'nīnah* (tempoh tenang) dalam satu rukun *fi'lī* solat.⁴¹

Selain itu, solat sunat tahiyyatul masjid merupakan amalan yang dituntut ke atas setiap Muslim sebaik sahaja memasuki masjid sebelum duduk. Justeru, meninggalkannya dihukumkan sebagai makruh. Perkara ini berdasarkan sepotong hadis:

عن أبي قتادة السلمي رضي الله عنه، أن رسول الله ﷺ قال: إذا
دخل أحدكم المسجد فليركع ركعتين قبل أن يجلس.

*Abu Qatadah al-Sulami r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: "Apabila salah seorang daripada kamu masuk ke dalam masjid, maka hendaklah dia rukuk (solat) dua rakaat sebelum dia duduk."*⁴²

Demikian juga solat sunat tahiyyat al-masjid menurut mazhab Shāfi'ī hanya sah didirikan di masjid, iaitu tempat yang telah diisytiharkan atau diwartakan sebagai masjid menurut syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak.⁴³ Oleh itu, kedua-dua ibadat ini hanya sah dilaksanakan dalam kawasan yang termasuk dalam batas masjid yang diiktiraf (rujuk Jadual 1 dan 2). Manakala ruang kemudahan yang lain tidak termasuk dalam ciri-ciri tempat yang sah perlaksanaan kedua-dua ibadat tersebut. Sehubungan itu, pemahaman mengenai batasan masjid amat perlu bagi pihak pentadbiran untuk mengelakkan sebarang gangguan terhadap keabsahan ibadat jemaah. Sebagai contoh, pihak pengurusan perlu memastikan penempatan iktikaf

³⁹ Bā'ishn, *Bushrā al-Karīm*, 589.

⁴⁰ Al-Haytamī. *Al-Minhāj al-Qawīm bi-Sharh Masā'il al-Ta'līm*, 266.

⁴¹ Al-Shirbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rīfat Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, vol. 2, 211.

⁴² Muḥammad ibn Ismā'īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Muṣṭafā Dīb al-Bughā, cet. ke-5, vol. 1 (Dimashq: Dār Ibn Kathīr, 1993), 170, Bāb Abwāb al-Masjid, *ḥadīth* no. 433.

⁴³ Al-Bantanī, *Nihāyat al-Zayn*, 269.

untuk para jemaah pada sepuluh malam terakhir Ramadan tidak tertumpu di kawasan yang di luar hukum masjid, seperti dewan kuliah atau premis tambahan, yang boleh menjejaskan keabsahan ibadat tersebut.

1.2 Kehadiran Individu Berhadas Besar (Haid/Junub):

Fuqaha daripada keempat-empat mazhab bersepakat bahawa individu yang berada dalam keadaan junub dan wanita yang sedang ditimpa haid diharamkan menetap di dalam masjid.⁴⁴ Pengharaman ini berasaskan beberapa nas antaranya firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْرَبُوا الصَّلَاةَ وَأَنْتُمْ سُكَارَى حَتَّى تَعْلَمُوا مَا تَقُولُونَ وَلَا جُنُبًا إِلَّا عَابِرِي سَبِيلٍ حَتَّى تَغْتَسِلُوا

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mendekati solat ketika kamu dalam keadaan mabuk sehingga kamu mengetahui apa yang kamu ucapkan, dan jangan pula (mendekati masjid) ketika kamu dalam keadaan berjunub kecuali sekadar lalu sahaja, sehingga kamu mandi.”

(Surah al-Nisā', 4:43)

Konflik hukum sering kali tercetus dalam masyarakat berhubung keberadaan wanita haid di dalam masjid dalam situasi-situasi khusus yang memerlukan penjelasan dari aspek syarak. Masalah ini menjadi lebih signifikan apabila melibatkan status wanita yang sedang dalam keadaan haid, iaitu menimbulkan persoalan tentang keharusan mereka untuk memasuki ruangan tertentu seperti pejabat pentadbiran, dewan kuliah, mahupun bilik mesyuarat yang terletak di dalam bangunan masjid.

Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas apabila wanita haid memilih untuk menetap di beranda masjid bagi mengelak daripada memasuki dewan solat ketika mengikuti pengajian. Hal ini berpunca daripada pemahaman yang kurang jelas mengenai batasan sebenar kawasan masjid mengikut kerangka fiqh. Antara situasi lain yang menjadi persoalan merangkumi aspek praktikal apabila petugas pembersihan wanita yang sedang haid perlu menjalankan tanggungjawab menyelenggarakan bangunan masjid, sekali gus memerlukan penelitian fiqh bagi membezakan antara ruang pelaksanaan tugas dan aktiviti yang dibenarkan. Secara prinsipnya, menurut mazhab Shāfi'ī, wanita yang sedang dalam keadaan haid dilarang sama sekali daripada menetap di dalam masjid. Implikasi daripada hukum ini secara tegas melarang petugas pembersihan wanita yang sedang haid daripada menjalankan tanggungjawab menyelenggarakan kawasan di dalam batas masjid.

⁴⁴ Wizārat al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*, cet. ke-2, vol. 14 (Kuwait: Dār al-Salāsil, 1404H-1427H), 63.

Bahkan, al-Ghazālī menegaskan bahawa pemberian upah kepada wanita haid bagi tujuan membersihkan kawasan dalam batas masjid dianggap sebagai suatu akad yang fasid (sah tetapi berdosa) kerana melibatkan perbuatan yang dilarang oleh syarak.⁴⁵

Dalam menangani isu ini, pihak pengurusan masjid wajar memberikan perhatian terhadap penglibatan pekerja pembersihan wanita dengan memastikan mereka dimaklumkan secara jelas tentang kedudukan wanita yang berada dalam keadaan haid di dalam batas suci masjid. Sehubungan itu, pihak pengurusan masjid juga dituntut agar penugasan petugas wanita yang haid dihadkan kepada kawasan yang tidak termasuk dalam batas masjid. Sebagai alternatif, mereka boleh dibenarkan melaksanakan tugas di kawasan tersebut dengan syarat berada dalam keadaan suci daripada haid dan nifas. Situasi yang sama turut melibatkan kakitangan wanita atau ahli jawatankuasa yang bertugas di pejabat serta bilik mesyuarat masjid. Keberadaan mereka di ruang tersebut adalah diharuskan kerana premis berkenaan secara teknikalnya tidak dikategorikan sebagai sebahagian daripada batas masjid. Sekiranya akses ke premis tersebut memerlukan mereka melintasi dewan solat (batas masjid) misalnya, tindakan tersebut adalah dibenarkan di sisi syarak sekadar untuk tujuan lintasan sahaja, dengan syarat ia tidak dilakukan secara berulang-alik (*taraddud*).⁴⁶

1.3 Sambungan Saf dalam Solat Berjemaah

Kawasan atau ruang yang bukan kategori batas masjid tidak diperuntukkan untuk pelaksanaan solat, sama ada solat fardu mahupun solat sunat. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu berkemungkinan kawasan tersebut digunakan sebagai ruang tambahan untuk menampung jemaah apabila ruang solat tidak mencukupi, seperti ketika pelaksanaan Solat Jumaat dan Solat Hari Raya. Sehubungan itu, hukum-hakam yang berkaitan dengan *iqtidā'* (mengikuti imam) dalam batas bukan masjid hendaklah dipatuhi bagi memastikan solat yang dilaksanakan berada dalam keadaan sah. Ini kerana kawasan batas masjid dan bukan batas masjid dikira sebagai dua entiti yang berbeza walaupun kedua-duanya dalam satu bangunan yang sama.

Secara umumnya, situasi ini menyamai pelaksanaan solat berjemaah antara imam dan makmum yang berada di dalam bangunan yang berasingan, sebagai contoh imam berada di dalam masjid manakala makmum berada di rumah bersebelahan dianggap tidak sah menurut mazhab Shāfi'ī. Walau bagaimanapun, keabsahan solat berjemaah tersebut boleh dipertimbangkan sekiranya memenuhi beberapa syarat tertentu yang telah digariskan oleh fuqaha mazhab ini. Syarat-syarat tersebut ialah:⁴⁷

⁴⁵ Abū Hāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *al-Wasīṭ fi al-Madhhab*, ed. Aḥmad Maḥmūd Ibrāhīm dan Muḥammad Muḥammad Tāmir, cet. ke-1, vol. 4 (Kaherah: Dār al-Salām, 1997), 163.

⁴⁶ Muṣṭafā al-Khin et al., *Al-Fiqh al-Manhajī 'alā Madhhab al-Imām al-Syāfi'ī*, cet. ke-4, vol. 1 (Dimasyq: Dār al-Qalam, 1992), 181-182.

⁴⁷ Muṣṭafā al-Khin et al., *Al-Fiqh al-Manhajī*, vol. 1, 75.

- i. Makmum mengetahui setiap perpindahan dan pergerakan imam dalam solat.
- ii. Jarak antara bahagian akhir bangunan masjid dengan kedudukan makmum tidak melebihi 300 hasta (150 meter).
- iii. Tiada sebarang halangan yang menghalang makmum daripada sampai kepada imam, seperti dinding dan pintu tertutup.
- iv. Makmum dapat melihat imam, atau sekurang-kurangnya melihat salah seorang makmum yang dapat melihat imam.
- v. Sekiranya makmum tidak dapat melihat imam, hendaklah wujud *rābiṭah* (hubungan atau kesinambungan saf) antara saf dalam batas masjid dan luar batas masjid.
- vi. Terdapat kemampuan untuk sampai (akses) kepada imam tanpa perlu membelakangkan tubuh badan daripada arah kiblat, seperti melalui pergerakan berpusing secara ketara (*izwirār* dan *in 'itāf*).

Sebaliknya, syarat-syarat tersebut tidak terpakai sekiranya imam dan makmum berada dalam batas masjid.⁴⁸ Dalam keadaan ini, keabsahan solat berjemaah tetap terpelihara meskipun terdapat beberapa halangan tertentu, seperti pintu yang terkunci, jarak yang melebihi 300 hasta, atau ketidakmampuan makmum untuk melihat pergerakan imam.⁴⁹ Hal ini selagi makmum masih dapat mengetahui perpindahan imam, sama ada melalui suara imam secara langsung atau melalui penyampaian oleh *muballigh* (penyampai suara).⁵⁰ Selain itu, keabsahan tersebut juga tidak terjejas walaupun laluan untuk sampai kepada imam perlu membelakangi arah kiblat.⁵¹

2. Implikasi Terhadap Pengurusan Bangunan Masjid

Secara tuntasnya, kecekapan tadbir urus fasiliti masjid amat bergantung kepada keupayaan pihak pengurusan dalam mengadaptasi model pengurusan moden tanpa mengetepikan hukum hakam fiqh. Kefahaman yang jelas terhadap garis panduan syarie adalah penting bagi memastikan utiliti kemudahan awam dapat dimaksimumkan secara lestari, sekali gus menjamin pengekalan nilai kesucian dan kehormatan entiti masjid.

2.1. Zon Komersial dan Jual Beli:

Menurut pandangan muktamad dalam fiqh mazhab Shāfi'ī, sebarang bentuk urusan jual beli yang dijalankan di dalam ruang lingkup masjid adalah makruh, lantaran perbuatan tersebut disifatkan bercanggah dengan tujuan utama pembinaan masjid

⁴⁸ Muḥammad al-Zuḥaylī, *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'ī*, cet. ke-3, vol. 1 (Dimashq: Dār al-Qalam, 1432H/2011M), 428.

⁴⁹ Al-Zuḥaylī, *al-Mu'tamad*, vol. 1, 428.

⁵⁰ Al-Zuḥaylī, *al-Mu'tamad*, vol. 1, 428.

⁵¹ Bā'ishn, *Bushrā al-Karīm*, 343.

yang dikhususkan sebagai medium ibadah.⁵² Walaupun ia tidak jatuh kepada haram, namun hukum makruh masih termasuk dalam larangan syarak. Namun begitu, jika amalan jual beli di dalam masjid sebagai adat kebiasaan maka hukumnya adalah haram.⁵³ Begitu juga menurut fuqaha Shāfi'īyyah, ia boleh jatuh kepada hukum haram jika ruang masjid dijadikan tempat jual beli atau perniagaan.⁵⁴ Larangan ini berdasarkan beberapa hadis Nabi SAW antaranya:

عن عبد الله بن عمرو، عن رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ نَهَى
عَنْ تَنَاشُدِ الْأَشْعَارِ فِي الْمَسْجِدِ وَعَنْ الْبَيْعِ وَالْإِشْتِرَاءِ فِيهِ وَأَنْ يَتَخَلَّقَ
النَّاسُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ قَبْلَ الصَّلَاةِ. رواه الترمذي

“‘Abdullāh ibn ‘Amr ibn al-‘Aṣ r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW melarang melaungkan atau memperdengarkan syair di dalam masjid, serta melakukan urusan jual beli di dalamnya, dan juga orang ramai berkumpul membentuk bulatan pada hari Jumaat sebelum solat dilaksanakan”.⁵⁵

Sehubungan dengan itu, pihak pentadbiran masjid perlu menggalas tanggungjawab untuk memastikan setiap ruang di dalam sempadan fizikal dan batas masjid tidak dieksploitasi sebagai medium transaksi komersial. Fenomena penggunaan beranda masjid di sebahagian tempat sebagai zon perniagaan perlu dibendung dengan tegas bagi mengelakkan berlakunya normalisasi terhadap aktiviti yang berpotensi menjejaskan fungsi hakiki serta kehormatan institusi tersebut.

2.2. Perancangan Fasiliti dan Ruang Guna Sama

Dalam aspek perancangan fasiliti masjid, penentuan batas (sempadan) masjid merupakan elemen penting yang tertakluk kepada hukum syarak. Berdasarkan prinsip ‘urf, mana-mana struktur yang bersatu dengan bangunan masjid atau kawasan beranda atas tujuan ibadat dikira sebagai sebahagian daripada masjid (rujuk Jadual 1.0). Walau bagaimanapun, realiti semasa di Malaysia menunjukkan wujudnya kecenderungan sebahagian pihak pengurusan masjid untuk mengubah

⁵² Abū Zakariyyā Muḥyī al-Dīn Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī, *Rawḍat al-tālibīn wa-‘umdat al-muḥtājīn*, diselia oleh Zuhayr al-Shāwīsh, cetakan ke-3, vol. 2 (Beirut: Al-Maktab al-Islāmī, 1991), 393.

⁵³ Al-Nawawī, *Al-Majmū‘*, vol. 2, 45.

⁵⁴ ‘Abd al-Raḥmān ibn Muḥammad ‘Awaḍ al-Jazīrī, *al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba‘ah*, cet. ke-2, vol. 1 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 260.

⁵⁵ Abū ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Al-Jāmi‘ al-kabīr: Sunan al-Tirmidhī*, ed. Shu‘ayb al-Arna’ūt *et al.*, cetakan ke-1, vol. 1 (Beirut: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah, 2009), 380, ḥadīth no. 322.

status sempadan masjid kepada fungsi komersial, seperti ruang sewaan bagi majlis akad nikah dan ruang jualan barang.

Praktis pengalihan fungsi ini didapati bercanggah dengan prinsip syarak, memandangkan aset yang telah diwakafkan bagi tujuan ibadat dan kemaslahatan umum bersifat kekal (*perpetuity*) serta tidak boleh ditukar kepada fungsi komersial demi memelihara niat asal pewakaf. Menurut al-Bujayrimī:

(ومنه رجبته) قال م ر: وهي ما كان خارجة محوطا عليه لأجله في
الأصح، ولم يعلم كونه شارعا قبل ذلك سواء علم وقفيتها مسجدا
أم جهل أمرها عملا بالظاهر وهو التحويط عليها، وإن كانت
منتهكة غير محترمة.

*“Dan termasuk daripadanya (masjid) ialah rahbah-nya. Al-Ramlī berkata: Iaitu kawasan yang berada di luar (bangunan masjid) yang dipagari untuk tujuannya (batas masjid) menurut pendapat yang al-aṣaḥ, dan tidak diketahui bahawa kawasan tersebut sebelum itu merupakan laluan umum, sama ada diketahui bahawa ia diwakafkan sebagai masjid atau keadaannya tidak diketahui, dengan berpegang kepada zahir iaitu pemagaran terhadapnya, sekalipun ia dicerobohi dan tidak dihormati.”*⁵⁶

Berdasarkan kenyataan hukum tersebut, mana-mana ruang yang mempunyai ketersambungan fizikal dengan struktur utama masjid hendaklah diklasifikasikan sebagai sebahagian daripada batas masjid. Walaupun fungsi asal pembinaannya tidak jelas, ia tetap dianggap sebagai sebahagian daripada masjid berdasarkan kaedah fiqh yang menetapkan bahawa ruang yang berhubung (subordinat) mengikut hukum entiti utama.

⁵⁶ Al-Bujayrimī, *Tuhfat al-Ḥabīb*, vol. 2, 147.

Sehubungan dengan itu, pihak pengurusan masjid tidak mempunyai autoriti untuk mengubah status ruang yang telah diiktiraf sebagai batas masjid kepada fungsi bukan masjid secara arbitrari. Pendirian ini selari dengan prinsip keabadian wakaf yang melarang sebarang bentuk pembatalan atau pengalihan fungsi aset masjid bagi tujuan komersial yang bersifat duniawi. Sebagai implikasi hukum, mana-mana ruang guna sama seperti beranda yang difungsikan sebagai tempat solat wajib mengekalkan status dan hukum hakam masjid secara tuntas. Hal ini menatijahkan larangan keberadaan individu dalam keadaan junub, haid, dan nifas di kawasan tersebut, di samping tegahan terhadap sebarang bentuk aktiviti komersial atau perdagangan di dalam batas sempadan tersebut.

2.3 Kemasukan Orang Bukan Islam ke Dalam Masjid

Kepesatan industri pelancongan telah meletakkan sebahagian masjid-masjid di Malaysia sebagai antara lokasi tumpuan utama pelancongan, sekali gus membawa kepada interaksi ruang dengan pelawat bukan Islam. Menurut Siti Rokiah *et al.*, masjid sebagai produk pelancongan bukan sesuatu perkara yang baru dalam kehidupan Masyarakat Islam di Malaysia, contohnya Masjid Negara telah menerima kedatangan pelancong dari pelbagai negara dan latar belakang bangsa dan agama lebih daripada 50 tahun.⁵⁷ Dari sudut hukum, mazhab Shāfi'ī memberikan kelonggaran kepada individu bukan Islam untuk memasuki masjid atas dasar keizinan daripada orang Islam dengan pengecualian mutlak ke atas Masjidil Haram.⁵⁸

Dalam amalan semasa di Malaysia, prosedur keizinan ini diterjemahkan melalui kuasa budi bicara dan kelulusan rasmi daripada pihak pengurusan masjid yang bertindak sebagai pemegang amanah premis tersebut. Keharusan orang bukan Islam masuk ke dalam masjid berdasarkan hadis:

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ أَبِي الْعَاصِ، أَنَّ وَفَدَ ثَقِيفٍ لَمَّا قَدِمُوا عَلَى رَسُولِ
اللَّهِ ﷺ، أَنْزَلَهُمُ الْمَسْجِدَ لِيَكُونَ أَرْقًى لِقُلُوبِهِمْ، فَاشْتَرَطُوا عَلَيْهِ أَنْ لَا
يُحْشَرُوا، وَلَا يُعْشَرُوا، وَلَا يُجْبُوا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: لَكُمْ أَنْ لَا
تُحْشَرُوا، وَلَا تُعْشَرُوا، وَلَا حَيْرٌ فِي دِينٍ لَيْسَ فِيهِ رُكُوعٌ.

“Uthmān ibn Abī al-‘Aṣ r.a. meriwayatkan bahawa rombongan kabilah Banī Thāqif datang menemui Rasulullah ﷺ, lalu Baginda menempatkan mereka di dalam masjid agar hati mereka menjadi lebih lembut (untuk

⁵⁷ Siti Rokyah Md Zain, Ros Norita Abd Samad, dan Mohamed Muneer Samsudin, “Masjid sebagai Produk Pelancongan? Satu Tinjauan,” dalam *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2016)* (2016).

⁵⁸ Zakariyyā ibn Muḥammad al-Anṣārī, *Asnā al-Maṭālib Sharḥ Rawḍ al-Tālib*, dis. Muḥammad Muḥammad Tāmir, vol. 1 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 527.

menerima Islam). Lalu mereka meletakkan syarat kepada Baginda agar mereka tidak dikerahkan (ke medan perang), tidak dikenakan zakat perpuluhan ('ushr), dan tidak diwajibkan bersolat. Lalu Rasulullah ﷺ bersabda: "Kelonggaran diberikan kepada kalian untuk tidak dikerahkan (berperang) dan tidak dikenakan zakat perpuluhan, namun tiada kebaikan pada agama yang tidak ada rukuk (solat) di dalamnya."'⁵⁹

Hadis ini memberikan indikasi yang jelas mengenai keharusan membawa masuk golongan bukan Islam ke dalam masjid, sebagaimana yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW atas dasar kepentingan dakwah. Walau bagaimanapun, keharusan ini tertakluk kepada keizinan daripada pihak Muslim. Justeru, kemasukan tanpa kebenaran daripada pihak autoriti masjid jatuh kepada hukum haram.⁶⁰ Timbul suatu kemusykilan hukum mengenai kontradiksi layanan antara Muslim berjunub dengan individu bukan Islam berhubung akses ke masjid. Isu utama berkisar tentang larangan menetap ke atas Muslim yang berhadap besar, berbanding kelonggaran yang diberikan kepada bukan Islam. Hal ini dianggap paradoks memandangkan golongan bukan Islam secara tabiinya berada dalam keadaan janabah berterusan dan tidak memenuhi kriteria taharah. Al-Anṣārī menjelaskan bahawa pengharaman ke atas orang Islam yang berjunub berteraskan iktikad mereka terhadap larangan syarak. Justeru, status hukum ini tidak boleh dikiaskan kepada entiti bukan Islam berikutan ketiadaan iktikad dan keterikatan mereka terhadap pensyariatan tersebut.⁶¹

Pihak pengurusan masjid yang menjadi lokasi tumpuan pelancongan mempunyai tanggungjawab besar sebagai pemegang amanah untuk memastikan kesucian dan kehormatan rumah Allah sentiasa terpelihara. Berdasarkan hukum syarak, kemasukan pelawat bukan Islam adalah diharuskan atas dasar keizinan pihak autoriti masjid, lebih-lebih lagi bertujuan untuk kebaikan dakwah. Walau bagaimanapun, keharusan ini bukanlah bersifat mutlak tanpa kawalan. Bagi memastikan kemasukan pelawat tidak menjurus kepada penghinaan atau pencabulan kehormatan masjid, pihak pentadbiran perlu menguatkuasakan garis panduan yang jelas, iaitu menutup aurat, tidak melakukan perbuatan yang bertentangan dengan syarak seperti maksiat dan memastikan mereka menjaga menjaga adab-adab di dalam masjid seperti tidak bising dan mengganggu umat Islam yang beribadat.

PENUTUP

Penentuan batas masjid di Malaysia bukan sekadar isu teknikal seni bina, malah merupakan satu keperluan syarak yang sangat penting bagi menjamin kesempurnaan ibadat umat Islam. Berdasarkan analisis terhadap prinsip Mazhab Shāfi'ī, kejelasan

⁵⁹ Abū Dāwūd Sulaymān ibn al-Ash'ath al-Sijistānī, *Sunan Abī Dāwūd*, dis. Muḥammad Muḥyi al-Dīn 'Abd al-Hamīd (Beirut: Al-Maktabah al-'Aṣriyyah, t.t.), *ḥadīth* no. 3026.

⁶⁰ Al-Anṣārī, *Asnā al-Maṭālib Sharḥ Rawḍ al-Ṭālib*, vol. 1, 527.

⁶¹ Al-Anṣārī, *Asnā al-Maṭālib Sharḥ Rawḍ al-Ṭālib*, vol. 1, 527.

mengenai sempadan ruang yang diwakafkan sebagai masjid adalah asas kepada penentuan hukum-hukum berkaitan iktikaf, kesucian masjid daripada hadas, serta kesahan kedudukan jemaah semasa solat berjemaah. Kegagalan mengenal pasti batas ini dengan tepat dalam reka bentuk kompleks masjid moden bukan sahaja boleh mengelirukan masyarakat, malah berisiko menjejaskan pengurusan harta wakaf itu sendiri. Oleh itu, integrasi antara niat asal pewakaf, praktis umum setempat dengan realiti fungsi bangunan masa kini mestilah diharmonikan bagi mengelakkan sebarang keraguan hukum yang boleh menjejaskan kualiti ibadat para jemaah.

Sebagai langkah ke hadapan, dicadangkan agar pihak berkuasa agama negeri dan jawatankuasa pengurusan masjid mengambil inisiatif untuk menetapkan penandaan zon yang jelas serta memperkemas prosedur pewartaan sempadan masjid secara bertulis. Penyelarasan ini penting bagi memastikan setiap ruang di dalam kompleks masjid digunakan mengikut status hukum yang tepat, sama ada sebagai ruang solat yang suci atau ruang utiliti sosial. Dengan adanya garis panduan yang komprehensif dan telus, institusi masjid akan dapat berfungsi secara lebih efektif dan dinamik tanpa membelakangkan prinsip-prinsip fiqh. Usaha holistik ini diharapkan dapat memelihara kemuliaan masjid sebagai pusat ibadat yang unggul, sekali gus memberikan keyakinan penuh kepada masyarakat dalam melaksanakan aktiviti keagamaan mereka dengan sempurna.

RUJUKAN

- Al-Anṣārī, Zakariyyā ibn Muḥammad. *Asnā al-Maṭālib Sharḥ Rawḍ al-Ṭālib*. Bersama *Ḥāshiyah* oleh Aḥmad ibn 'Abbās al-Ramlī. Ed. Muḥammad Muḥammad Tāmir. Vol. 5. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001.
- _____. *Asnā al-Maṭālib Sharḥ Rawḍ al-Ṭālib*. Disertai *Ḥāshiyat al-Ramlī al-Kabīr* oleh Aḥmad ibn Ḥamzah al-Ramlī. Ed. Muḥammad Muḥammad Tāmir. 1st ed. Vol. 4. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001.
- Al-Bantānī, Muḥammad ibn 'Umar Nawawī al-Jāwī. *Nihāyat al-Zayn fī Irshād al-Mubtadi'īn*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Bujayrimī, Sulaymān bin Muḥammad. *Tuḥfat al-Ḥabīb 'alā Sharḥ al-Khaṭīb: Ḥāshiyat al-Bujayrimī 'alā al-Khaṭīb*. Beirut: Dār al-Fikr, 1995.
- Al-Dimyātī, 'Uthmān ibn Muḥammad Shaṭṭā. *I'ānat al-Ṭālibīn 'alā Ḥall Alfāz Fath al-Mu'īn*. Beirut: Dār al-Fikr, 1997.
- Al-Ghazālī, Muḥammad ibn Muḥammad. *Al-Wasīṭ fī al-Madhhab*. Disunting oleh Aḥmad Maḥmūd Ibrāhīm dan Muḥammad Muḥammad Tāmir. Cetakan ke-1. Kaherah: Dār al-Salām, 1997.
- Al-Haytamī, Aḥmad Ibn Hajar. *Al-Minhāj al-Qawīm bi-Sharḥ Masā'il al-Ta'līm*. Cetakan ke-1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000.
- _____. *Tuḥfat al-Muḥtāj fī Sharḥ al-Minhāj*. Bersama dengan *Ḥāshiyat 'Abd al-Ḥamīd al-Sharawānī* dan *Ḥāshiyat Aḥmad ibn Qāsim al-'Abbādī*.

- Kaherah: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā; Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1357 H/1983 M.
- Al-Isnawī, Jamāl al-Dīn 'Abd al-Raḥīm. *Al-Muhimmāt fī Sharḥ al-Rawḍah wa al-Rāfi'ī*. Disunting oleh Abū al-Faḍl al-Dimyāṭī Aḥmad bin 'Alī. Cetakan ke-1. Casablanca: Markaz al-Turāth al-Thaqāfi al-Maghribī; Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2009.
- Al-Jazīrī, 'Abd al-Raḥmān ibn Muḥammad 'Awaḍ. *al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-Arba'ah*. Cetakan ke-2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003.
- Al-Khin, Muṣṭafā, Muṣṭafā al-Bughā, dan 'Alī al-Syarbajī. *Al-Fiqh al-Manhajī 'alā Madhhab al-Imām al-Syāfi'ī*. Cetakan ke-4. Dimasyq: Dār al-Qalam, 1992.
- Al-Mashhūr, 'Abd al-Raḥmān ibn Muḥammad. *Bughyat al-Mustarshidīn fīmā Yufī bihi Ba'd al-'Immah min al-'Ulamā' al-Muta'akhhirīn*. Dengan Ḥāshiyah Aḥmad ibn 'Umar al-Shāṭirī. Jeddah: Dār al-Minhāj, 2018.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muḥyī al-Dīn bin Sharaf. *Al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab*. Kaherah: Idārah al-Ṭibā'ah al-Muniriyyah, 1344–1347 H.
- _____. *Rawḍat al-ṭālibīn wa-'umdat al-muṣṭafīn*. Diselia oleh Zuhayr al-Shāwīsh. Cetakan ke-3. Beirut: Al-Maktab al-Islāmī, 1991.
- Al-Rāfi'ī, 'Abd al-Karīm ibn Muḥammad. *Fath al-'Azīz bi-Sharḥ al-Wajīz: al-Sharḥ al-Kabīr*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Shirbīnī, Muhammad bin Ahmad al-Khaṭīb. *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifat Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*. Disunting oleh 'Alī Muḥammad Mu'awwaḍ dan 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd. Cetakan ke-1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994.
- Al-Sijistānī, Abū Dāwūd Sulaymān ibn al-Ash'ath. *Sunan Abī Dāwūd*. Disunting oleh Muḥammad Muḥyī al-Dīn 'Abd al-Ḥamīd. Beirut: Al-Maktabah al-'Aṣriyyah, t.t.
- Al-Tirmidhī, Abū 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā bin Sawrah. *Al-Jāmi' al-kabīr: Sunan al-Tirmidhī*. Disunting oleh Shu'ayb al-Arna'ūṭ *et al.* Cetakan ke-1. 6 jilid. Beirut: Dār al-Risālah al-'Ālamiyyah, 2009.
- Al-Zarkashī, Muḥammad bin 'Abd Allāh. *I'lām al-Sājīd bi-Aḥkām al-Masājīd*. Disunting oleh Abū al-Wafā Muṣṭafā al-Marāghī. Cetakan ke-4. Kaherah: al-Majlis al-'Alā li al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1996.
- Al-Zuhaylī, Muḥammad. *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'ī*. Cet. ke-3. Dimashq: Dār al-Qalam, 1432 H/2011 M.
- Azhar, Alias, dan Mohammad Azam Hussain. "Perluasan Skop Undang-Undang Islam di Malaysia: Aplikasi dan Implikasinya." *Jurnal Syariah* 20, no. 2 (2012): 163-184.

- Bā'ishn, Sa'īd bin Muḥammad. *Sharḥ al-Muqaddimah al-Ḥaḍramiyyah al-Musammā Bushrā al-Karīm bi-Sharḥ Masā'il al-Ta'līm*. Cetakan ke-1. Jeddah: Dār al-Minhāj li al-Nashr wa al-Tawzī', 2004.
- Khird, al-Qāḍī Aḥmad Sharīf bin 'Alī. *Fatāwā Ibn Mazrū' li al-Imām al-'Allāmah al-Faqīh al-Muftī 'Abd al-Raḥmān bin Muḥammad bin Mazrū' al-Shibāmī al-Ḥaḍramī*. Disunting oleh Muḥammad bin Abū Bakr bin 'Abd Allāh Bā Dhīb. Amman: Dār al-Fatḥ li al-Dirāsāt wa al-Nashr, 1427 H.
- Marwati and Sutriani. "Integrasi Batas Suci Terhadap Tipologi Ruang Bangunan Masjid Modern Di Makassar." *Nature: National Academic Journal of Architecture* 6, no. 1 (2019): 83–96.
- Noorhafizah, Nur Iffah, Rahmah Hayati, Nurul Iffā Shafikha, dan Wan Mohd Yusof. "Peranan Masjid dan Surau dalam Pelancongan Islam di Kuala Terengganu." Dalam *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*. Terengganu: Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin, 2019.
- Qal'ajī, Muḥammad Rawwās, dan Hāmid Šādiq Qunaybī. *Mu'jam Lughat al-Fuqahā'*. Cetakan ke-2. Beirut: Dār al-Nafā'is, 1988.
- Saad, Mohd Yazid bin. *Pengelolaan Masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Analisis Terhadap Wewenang Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Wilayah Persekutuan 1993 Malaysia)*. PhD diss., Universitas Islam Negeri (UIN) Ar-Raniry Banda Aceh, 2023.
- Solahuddin Abdul Hamid, Mohd. Nizho Abdul Rahman, Mohd Sobhi Ishak, dan Solahuddin Ismail. "Pengalaman Pengurusan Pentadbiran Masjid-Masjid Terbaik di Selangor." *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 6, no. 42 (2021): 68-78.
- Tamuri, Ab Halim. "Konsep dan Pelaksanaan Fungsi Masjid dalam Memartabatkan Masyarakat: (The Concept and The Implementation of The Role of Masjid in Elevating The Society)." *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management (Al-Mimbar)* (2021): 1-12.
- Wahab, Nor Azlina Abd, Norafifah Ab Hamid, and Norajila Che Man. "Pemeriksaan peranan masjid di Malaysia era kontemporari." *e-Academia Journal* 5, no. 2 (2017).
- Wizārat al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah. *Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*. Kuwait: Dār al-Salāsīl; Mesir: Maṭābi' Dār al-Ṣafwah, 1404H-1427H.
- Zain, Siti Rokyah Md, Ros Norita Abd Samad, dan Mohamed Muneer Samsudin. "Masjid sebagai Produk Pelancongan? Satu Tinjauan." Dalam *Proceedings of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2016)*, 2016.

RUJUKAN STATUT

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) dan Kaedah-Kaedah / Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993 (Act 505) and Rules (hingga 25 November 2013). Kuala Lumpur: International Law Book Services, 2013.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Warta Kerajaan Negeri Selangor, 2017.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. Enakmen Bil. 4 Tahun 2004. Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

Majlis Islam Sarawak Ordinance 2001. Laws of Sarawak, Cap. 41. Commissioner of Law Revision, Sarawak. Reprint, 2007.